


Dialog antara Dr. Ismail dan Harun Hashim



Mazlan Nordin
MENULIS

DALAM kenangan pelbagai pihak ialah Allahyarham Tan Sri Harun Hashim (1929-2003) yang begitu banyak menabur bakti dan khidmat cemerlang, termasuk sebagai hakim dan Ketua Pengarah Pertama Badan Pencegah Rasuah (BPR) salah sebuah cerita yang dibawa seperti berikut:

"Pada satu ketika saya melapor kepada Tun Dr. Ismail untuk membincang satu perkara. Setelah mendengar kenyataan saya, beliau berkata: "Pergi ke atas dan bincang dengan Perdana Menteri. Dengar apa katanya." Maka saya pun naik ke atas. Setelah menjelaskan perkara berkenaan Tunku pun bertanya, "Sudahkah dibincang hal ini dengan Tun Ismail?" Saya menjawab sudah lalu Tunku bertanya lagi, "Apa katanya?" Saya lantas menjawab, beliau minta saya mendapatkan pandangan Tunku mengenainya."

Tunku menjawab: "Apa yang saya kata atau fikirkan tidak menjadi hal. Kalau saya menyatakan sesuatu dan beliau tidak setuju maka beliau akan meletak jawatan sekali lagi. Itu akan menimbulkan pelbagai masalah besar. Biarlah beliau buat keputusan."

"Saya pun berjumpa balik dengan Tun Ismail dan melaporkan percakapan saya dengan Tunku. Beliau tersenyum dan kami pun membuat keputusan."

Sebelum itu Harun menyebut mengenai Tun Ismail meletak jawatan dari Kabinet Tunku atas satu perkara dasar. Beliau bukan *yes man* dan ia kembali menjadi doktor.

Beliau bercerita mengenai Tun Razak, ketika itu Timbalan Perdana Menteri melawat Alor Star pada bulan Ogos 1967: "Ketika di bilik gerakan negeri Menteri Besar Datuk Syed Omar Shahabudin mengundang makan tengah hari bersama Tun Razak. Hanya kami bertiga waktu itu. Tun kemudian memberitahu mengenai sidang Kabinet semalamnya yang membuat keputusan untuk menubuhkan Badan Pencegah Rasuah dan saya sebagai pengarahnya yang pertama. Bolehkah saya mengambil jawatan itu dalam masa seminggu?"


Rombongan

Lain cerita dicatat di dalam buku Harun *The Benchmark* iaitu mengenai rombongan Tunku di London menuntut kemerdekaan Malaysia: Pada satu hari selepas beberapa rundingan Tunku mengumumkan bahawa ia telah menaikkan pangkat Lee (Colonel H.S. Lee) menjadi general. Bila ditanya general apa, Tunku menjawab 'General Nuisance'. Kerana setelah Lennox Boyd (Setiausaha Tanah Jajahan British) menyetujui beberapa perkara, Lee membangkitkan semula perkara itu. Dan sekarang kita perlu berunding semula."

Harun mula bertugas sebagai Pengarah Badan Pencegah Rasuah pada 11 Ogos 1967. Beliau diberi kuasa untuk melantik para pegawai dan mendapat peruntukan dari Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin).

Timbalannya yang pertama seorang bekas Ketua Polis Negeri, Encik Othman yang lebih terkenal dengan nama Osman Kancil, ayah bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib.

Peti surat 6000 diadakan untuk menerima aduan. Kira-kira 200 surat diterima tiap hari. Semua surat, walaupun dialamatkan kepada ketua kerani, dibuka oleh Harun sendiri. Ke-




HARUN HASHIM

banyakan surat tidak menyebut nama pengirim.

Pada suatu hari seorang pegawai anti-rasuah dari Singapura tiba di lapangan terbang untuk bertemu dengan Harun. Beliau menyewa sebuah teksi dan meminta pemandunya, seorang bangsa Cina, membawanya ke pejabat BPR. Pemandu itu diberitahu dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina tetapi tidak juga faham. Akhirnya pegawai tersebut memberitahu: "Bawa saya jumpa Harun." Barulah pemandu itu tahu di mana destinasiya.

Harun juga menulis mengenai kebebasan wartawan dan akhbar. Pada pendapatnya setelah sesebuah akhbar mendapat lesen pe-



DR. ISMAIL

nerbitan ia hendaklah diakui untuk sepanjang masa hingga dibatalkan oleh menteri dengan syarat ia menjelaskan sebab-sebab pembatalan. Dengan itu tidaklah perlu lagi pemilik akhbar pergi setiap tahun ke pejabat Kementerian Dalam Negeri untuk membaharui lesen.

Mahkamah

Beliau juga menulis mengenai status hakim-hakim Mahkamah Syariah. Kerana pada tahun 1988 Parlimen telah meminda perlembagaan untuk menetapkan bahawa Mahkamah-Mahkamah Sivil tidak lagi berkuasa atas apa jua perkara di bawah kuasa Mah-

kamah-Mahkamah Syariah.

Kuasa hakim-hakim Mahkamah Syariah meliputi perkara perkahwinan, perceraian dan hak milik anak-anak orang Islam. Menurut Harun status hakim-hakim Mahkamah Syariah mestilah ditingkatkan. Beliau juga berharap bahawa pada suatu masa nanti sebuah Mahkamah Tertinggi Syariah akan diadakan untuk mendengar rayuan-rayuan dari Mahkamah Rayuan Syariah.

Harun turut menulis mengenai UMNO berjaya mengatasi satu per satu krisis-krisis yang dihadapinya, termasuk keputusan Mahkamah Tinggi pada tahun 1988 yang mengisytiharkannya sebagai pertubuhan "illegal."

Beliau yang bersara pada tahun 1994 pernah menyebut mengenai kepemimpinan negara. Menurutnya Malaysia bertuah kerana memperoleh seorang demi seorang Perdana Menteri yang begitu besar sumbangan masing-masing kepada negara dan rakyat seluruhnya - Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Antara perkhidmatan Harun ialah sebagai Pengerusi Suruhanjaya Gaji Badan-Badan Berkanun, Presiden Mahkamah Perusahaan, Profesor Pelawat Universiti Islam Antarabangsa, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan, Profesor Pelawat Universiti Malaysia, Pemerhati Pilihanraya Parlimen Sri Lanka dan peserta penulis draf perlembagaan Afrika Selatan serta Hakim Mahkamah Ulangbicara Wilayah Persekutuan dan Pahang.

Semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atasnya.

● PENULIS ialah Karyawan Tamu
Universiti Kebangsaan Malaysia